



BASIKAL BUKIT



PERATURAN PERTANDINGAN

BASIKAL BUKIT

SUKAN MARA SE-MALAYSIA

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan **Basikal Bukit Sukan MARA Se-Malaysia (SUKMAS 2017)**.

2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN AM

- 2.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan berdasarkan Peraturan (UCI) Cycling Regulations dan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia yang kini berkuatkuasa.
- 2.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan MARA Se-Malaysia 2017.
- 2.3 **DILARANG** memotong barisan permulaan ketika meletakkan basikal. Peserta yang didapati memotong barisan akan dikenakan penalti dan diletakkan dibarisan paling akhir (jika ada bantahan).
- 2.4 Sebarang keputusan yang diputuskan oleh JK Penganjur KSRM bersama PMN dan MCC adalah muktamad.
- 2.5 Peserta yang berdaftar dari Negeri adalah terikat kepada Peraturan Am 8.2 (Setiap peserta HANYA dibenarkan mengambil bahagian untuk satu (1) acara sukan sahaja KECUALI pemain dari MARA Negeri Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis)

PINDAAN :

4 Peserta yang mewakili pasukan Negeri boleh menyertai mana-mana acara sukan yang lain dan mata kemenangan tidak termasuk dalam pungutan mata kontingen dari acara Basikal Bukit sahaja.

- 2.6 Manakala peserta selain dari 4 pelumba di atas dibenarkan untuk mendaftar sebagai peserta individu dan kemenangan tidak akan diambil kira dalam pungutan mata Kontigen kecuali untuk kategori individu sahaja.

3.0 MAKLUMAT PERTANDINGAN

- 3.0 Tempat : sekitar **MRSM Lenggong & PUSKEP Lenggong, Perak**
- 3.1 Tarikh : 20 Mac 2017 (Isnin) - **PINDAAN**
- 3.2 Masa pelepasan : 0730 pagi
- 3.3 Jarak : 30km++
- 3.4 Yuran Penyertaan : RM50.00 (Tshirt Jamboree / Finisher Medal / Goodies / Lunch & etc)
- 3.5 Tarikh Tutup Penyertaan : 25 Januari 2017 (Rabu).
- 3.6 Pengambilan Goodies/No Plate & taklimat : 19 Mac 2017 (AHAD) - **PINDAAN**
- 3.7 Waktu & tempat pengambilan goodies akan dimaklumkan.
- 3.8 Laluan : 30% laluan pertandingan di atas jalanraya dan 70% laluan "off road" iaitu laluan mencabar dan akan mendaki beberapa bukit-bukit kecil.
- 3.9 Laluan akan dilengkapi dengan petunjuk arah.
- 3.10 Peserta akan dikawal oleh pegawai teknikal dan marshal di sepanjang pertandingan.

4.0 ACARA- ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

- 4.0 30km Basikal Bukit Berpasukan.
- 4.1 30 km Basikal Bukit Perseorangan Lelaki.
- 4.2 30 km Basikal Bukit Perseorangan Wanita (bergantung pendaftaran peserta selepas tarikh tutup penyertaan)

5.0 PENDAFTARAN PESERTA NEGERI & INDIVIDU

- 5.0 1 orang pengurus pasukan dan 20 orang pelumba (sekurang-kurangnya).
- 5.1 Pendaftaran penyertaan hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada / sebelum tarikh tutup penyertaan (25 Januari 2017-Rabu beserta bayaran).

- 5.2 Penukaran nama peserta yang mewakili pasukan boleh dibuat sebelum tarikh Kejohanan iaitu ketika pengambilan goodies beg 19 Mac 2017 - **PINDAAN** (Sila Lampirkan borang pendaftaran seperti dibawah).
- 5.3 Setiap peserta hendaklah berada di tempat permulaan 1 jam sebelum pertandingan bermula dan menandatangani senarai kehadiran peserta.
- 5.4 Setiap peserta dikenakan bayaran **RM50.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja) dan peserta akan menerima goodies beg (Medal Finisher, t-shirt, makan/minum).
- 5.5 Pendaftaran peserta Negeri dan juga individu perlu dibuat melalui <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfscjQb2VnesgiZcY6Dp4ad6kQf98I5mwLq-GNKDSFGR2wVhg/viewform>

6.0 **PENENTUAN PEMENANG**

- 6.0 Pemenang bagi acara perseorangan ditentukan daripada pelumba pertama yang sampai di garisan penamat sama ada peserta Negeri mahupun individu begitu juga bagi pemenang yang seterusnya.
- 6.1 Pemenang bagi acara berpasukan ditentukan oleh peserta keempat pasukan yang akan membawa pulang PIALA PUSINGAN.
- 6.2 Pasukan hanya dikira dari peserta keempat yang tiba digarisan penamat dalam kumpulan 4 orang dari peserta (*Team Spirit Challenge*).
- 6.3 Pasukan Johan tidak semestinya memenangi acara Individu.
- 6.4 Semua peserta dikehendaki berada di tempat penyampaian hadiah dengan pakaian pasukan masing-masing semasa Majlis Penyampaian Hadiah (sekiranya ada).

7.0 **PERATURAN TEKNIKAL**

- 7.0 Semua peserta dikendaki membawa semua kelengkapan untuk pertandingan termasuk basikal dan peralatan membaik pulih basikal.
- 7.1 Hanya basikal bukit bersaiz 26 / 27.5 / 29 inci roda & Fat bike dibenar digunakan semasa pertandingan.
- 7.2 Semua basikal yang digunakan adalah dikehendaki mematuhi peraturan dan ukuran yang telah diluluskan oleh UCI.

- 7.3 Pelumba dikehendaki memasang Nombor Pelumba di hadapan frame basikal dan tidak dibenarkan melipat atau dirosakkan. No Pelumba tersebut adalah berbeza untuk individu dan berpasukan untuk memudahkan pengecaman pada garisan penamat.
- 7.4 Semua peserta diwajibkan memakai nombor yang dibekalkan oleh penganjur.
- 7.5 Peserta tidak dibenarkan memegang atau mengekori sebarang kenderaan bermotor dalam jarak 25 meter semasa pertandingan.
- 7.6 Peserta atau pasukan yang perlahan perlu memberi laluan kepada pasukan atau individu yang memotong.
- 7.7 Peserta hendaklah sentiasa mematuhi arahan pegawai teknikal dan marshall yang bertugas di sepanjang pertandingan.
- 7.8 Jika berlaku sebarang kerosakan pada basikal semasa pertandingan, peserta dibenarkan menukar basikal sesama ahli pasukan termasuk dari kalangan peserta individu.
- 7.9 Sebarang masalah yang timbul kepada peserta semasa pertandingan hendaklah dimaklumkan dengan cara mengangkat tangan dan memberitahu apa yang diperlukan kepada pegawai teknikal atau marshal.
- 7.10 Peta laluan kejohanan akan disediakan sebelum perlumbaan dijalankan dan pelumba akan diberi peluang untuk meninjau laluan terlebih dahulu sebelum menyertai pertandingan tersebut (sekiranya berkesempatan).
- 7.11 Semua peserta akan meletakkan basikal secara teratur di tempat yang dikhaskan oleh pihak penganjur di garisan penamat.
- 7.12 Lain-lain peraturan terkini akan dimaklumkan sebelum pertandingan dimulakan.
- 7.13 SEMUA PESERTA PERLU HADIR TAKLIMAT PERLUMBAAN atau dikenakan penalti 30 saat jika tidak hadir taklimat.
- 7.14 Sebarang keraguan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan MARA Se-Malaysia (SUKMAS 2017) dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

8.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 8.0 **Permulaan:** Setiap peserta individu dan kumpulan akan diletakkan sebaris melintang digarisan permulaan (1st Come 1st).
- 8.1 **Kiraan Peserta berpasukan :** Pasukan yang tidak mencukupi 4 orang yang didaftarkan tidak akan dikira sebagai tamat. Pasukan yang menang akan dikira dari pelumba keempat pasukan yang didaftarkan sampai digarisan penamat.
- 8.2 **Kiraan Peserta Individu:** Peserta Individu akan dikira secara automatik dimana salah seorang ahli pasukan atau mana-mana pelumba individu sampai digarisan penamat. Setiap pasukan boleh menyusun strategi masing-masing untuk pencapaian terbaik. Jika penyertaan 20 orang sepasukan bermakna ada 16 peserta individu dan 4 peserta akan membawa bendera pasukan.
- 8.3 **Arahan dan Bendera Marshal:** Marshal dan Pegawai teknikal akan berada di sepanjang laluan dan akan bertindak sebagai pengadil yang akan merekodkan setiap kesalahan yang dilakukan oleh peserta. Setiap kesalahan akan dikenakan penalti 30 saat untuk dicampurkan dalam masa yang telah diambil pasukan atau individu.
- a) Bendera biru dikibar bermaksud ada pasukan yang akan memintas anda, pasukan anda perlu memberi laluan kepada pasukan tersebut dan tidak dibenar membuat pacing dengan pasukan yang memintas.
 - b) Bendera Kuning dikibar menandakan kawasan yang merbahaya perlu berhati-hati atau memperlahankan kayuhan.
 - c) Laporkan kepada marshal bertugas jika anda ingin berhenti dari perlumbaan atas sebab sebab teknikal atau sebagainya. Salah satu nombor anda akan diambil oleh pegawai bertugas.

9.0 KIRAAN MATA PASUKAN

- 9.0 Sebagaimana termaktub dalam Perkara 10.0 Undang-Undang & Peraturan AM “KEJOHANAN SUKAN MARA SE-MALAYSIA KE 9, PERAK 2017”.

PINDAAN :

Tiada pungutan mata untuk kontigen Negeri dari acara Basikal Bukit sahaja.

10.0 PENALTI

- 1) Memotong barisan sebelum pelepasan -----diletakkan pada barisan terakhir
- 2) Tidak mempamerkan No Plate pada rangka basikal ----- Dibatalkan
- 3) Tidak Hadir di Garisan Permulaan ----- Dibatalkan
- 4) Short Cut (*chicken*) ----- Dibatalkan
- 5) Tidak mengikut Arahan Marshal ----- 1 minit
- 6) Tidak memberi laluan ----- 1 minit

11.0 TOPI KELEDAR (HELMET)

- 11.0 Semua peserta **DIWAJIBKAN** memakai topi keledar (Hard Shell Helmet) semasa pertandingan.

12.0 PAKAIAN PERTANDINGAN

- 12.0 Semua peserta dikehendaki memakai jersey pasukan agar mudah dikenali oleh pegawai teknikal dan marshal (sekiranya ada).

13.0 BASIKAL / GEARING

- 13.0 Semua basikal "Mountainbike" yang digunakan semasa pertandingan perlulah mengikut piawaian UCI yang telah ditetapkan.
- 13.1 Penggunaan Gear – Bebas dibenarkan.
- 13.2 Peserta adalah disarankan menggunakan tayar berbunga yang sesuai dengan jalan "offroad".
- 13.3 Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan kepada mana-mana peserta yang tidak mematuhi spesifikasi basikal yang ternyata.

14.0 BANTAHAN / TATATERTIB

- 14.0 Semua peserta boleh membuat bantahan secara bertulis dan deposit wang tunai **RM 500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus sahaja)** dan tidak akan dikembalikan jika bantahan yang dibuat tidak relevan dan tidak diterima oleh panel juri pertandingan.
- 14.1 Bantahan hanya boleh dibuat dalam masa 30 minit selepas keputusan diumumkan.

- 14.2 Panel Juri Bantahan - Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan / tatatertib itu, Pengarah Teknikal dan pegawai yang difikirkan perlu sebagai pemerhati.
- 14.3 Panel Bantahan / Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan dari Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 14.4 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat sesuatu keputusan.

15.0 HADIAH

- 15.0 Hadiah-hadiah berpasukan disediakan seperti berikut :-
 - 15.0.1 Johan
 - 15.0.2 Naib Johan
 - 15.0.3 Ketiga
 - 15.0.4 Keempat
- 15.1 Hadiah-hadiah individu (Lelaki) disediakan seperti berikut mengikut kedudukan :
 - 15.2.1 Ranking 1 hingga 20 – Medal Gold
 - 15.2.2 Ranking 21 hingga 40 – Medal Silver
 - 15.2.3 Ranking 40 hingga seterusnya – Medal Finisher
- 15.2 Hadiah-hadiah individu (Wanita) disediakan seperti berikut mengikut kedudukan (bergantung jumlah penyertaan) :
 - 15.2.1 Ranking 1 hingga 20 – Medal Gold
 - 15.2.2 Ranking 21 hingga 40 – Medal Silver
 - 15.2.3 Ranking 40 hingga seterusnya – Medal Finisher



Borang Daftar Nama Pemain

PERTANDINGAN BASIKAL BUKIT

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN		
KETUA PASUKAN		

NAMA PELUMBA PASUKAN

BIL	NAMA	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		

NAMA PELUMBA INDIVIDU

BIL	NAMA	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.		
11.		
12.		
13.		
14.		
15.		
16.		